



**SIARAN AKHBAR**  
**JABATAN KASTAM DAN EKSAIS DIRAJA**  
**KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

**KES-KES TANGKAPAN GERAKAN OPERASI TEGAHAN KASTAM**

1. Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (JKED) melalui Bahagian Penguatkuasa Undang-Undang telah menjalankan tiga gerakan operasi di kawasan Rancangan Perumahan Negara Kampung Rimba, di kawasan Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati (STKRJ) Mumong, Kuala Belait dan di kawasan perairan Sungai Brunei.
2. Hasil gerakan operasi pertama yang dijalankan pada hari Selasa, 22hb November 2022 di kawasan Rancangan Perumahan Negara, Kampung Rimba, JKED telah berjaya menahan seorang lelaki warganegara tempatan yang berumur 61 tahun atas kesalahan memiliki 9 katon rokok dan 71 paket rokok pelbagai jenis. Turut dirampas adalah wang tunai berjumlah BND224.95 dipercayai hasil daripada aktiviti penjualan barang kesalahan Kastam.
3. Hasil gerakan operasi kedua yang dijalankan pada hari Rabu, 23hb November 2022 di kawasan Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati Mumong, Kuala Belait. JKED telah berjaya menahan dua orang lelaki penduduk tetap yang berumur 17 dan 50 tahun atas kesalahan memiliki 19 paket rokok pelbagai jenis dan 1 unit *vape*.
4. Seterusnya hasil gerakan operasi ketiga yang dijalankan pada hari Khamis, 24hb November 2022 di kawasan perairan Kampung Sungai Bunga dan Kampung Sungai Besar, JKED telah berjaya merampas 1,350 katon rokok pelbagai jenis dan 20 tin minuman keras. Turut dirampas adalah sebuah perahu *fiber* berukuran 17 kaki berserta satu unit enjin berjenama Yamaha 85hp.
5. Kesemua barang-barang terbabit telah dirampas dan individu-individu terlibat telah dibawa ke Pejabat Penguatkuasaan Undang-Undang untuk siasatan lanjut.
6. JKED ingin menasihatkan kepada orang ramai agar sentiasa mematuhi mana-mana perundangan negara ini dan menghindari dari melakukan kegiatan-kegiatan penyeludupan atau membawa masuk dan keluar barang-barang tegahan, sekatan dan juga larangan Kastam. Memiliki barang-barang tegahan Kastam adalah menjadi satu kesalahan di bawah Seksyen 146, Perintah Eksais 2006.
7. JKED turut mengucapkan ribuan terima kasih kepada orang ramai yang telah memberikan kerjasama dengan menyalurkan maklumat-maklumat yang berkaitan dengan aktiviti yang menyalahi perundangan dan peraturan yang dikuatkuasakan oleh JKED. Orang ramai dialu-alukan untuk mengongsikan maklumat berkaitan apa jua kegiatan penyeludupan barang-barang tegahan Kastam atau apa jua aktiviti yang menyalahi perundangan Kastam dengan menghubungi JKED di talian utama JKED: 8714422/8721422 atau pejabat Kastam yang berdekatan. Pihak JKED juga memberi jaminan bahawa identiti setiap pemberi maklumat adalah dirahsiakan.

**JABATAN KASTAM DAN EKSAIS DIRAJA  
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI  
Tarikh: 26hb November 2022  
RUJ KES KASTAM: ENF/PR/18/2022**

**GAMBAR KESELURUHAN BARANG RAMPASAN  
GERAKAN OPERASI PERTAMA**



**GAMBAR KESELURUHAN BARANG RAMPASAN  
GERAKAN OPERASI KEDUA**



**GAMBAR KESELURUHAN BARANG RAMPASAN  
GERAKAN OPERASI KETIGA**

